

Samudera

Universiti Malaysia Terengganu
www.umat.edu.my

APRIL 2013 BIL:47



Pelajar
UMT
CEO
Terbaik

Cemerlang
dalam
MyINOVASI

Baucar
Buku
untuk
Pelajar

Sakit
belakang
boleh
lumpuh?

Sidang Redaksi

PENAUNG

Naib Canselor UMT
YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim Komoo

PENASIHAT

Pengarah Penerbit UMT
Prof. Madya Dr. Noraien Mansor

KETUA PENGARANG

Rabil Sitta Abdul Rahman

KETUA MEDIA

Normardiana Mohammad Jaafar

EDITOR

Yusrina Omar

PEREKA

Adli Hashim

JURUFOTO

Adli Hashim

WARTAWAN

Raja Mohd Bazley Raja Ahmadle Akbar
Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh
Fadila Kasmawani Fakaruddin
Amyra Abdul Malik
Naqibah Rosli
Hazzira Tarmuzi
Fatin Nadzirah Zakaria
Roshila Murni Rosli
Nazreen Azrina Mat Azhar
Mohammad Faiz Fadli
Hardisaiqal Husain
Irene Lew
Ponmalar Ravichandran
Paveethra Thegarathah
Siti Asmal Mat Piah

Tinta Ketua Pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, *Samudera* April 2013 muncul lagi. Pelbagai maklum balas telah kami terima mengenai keluaran lepas. Terima kasih atas maklum balas ikhlas daripada semua pembaca. Apa yang baik akan kami kekalkan dan yang kurang akan kami laksana penambahbaikan. Kita seharusnya belajar melalui kesilapan, barulah hidup ada perubahan.

Sedar tidak sedar, sudah masuk empat bulan kita meniti tahun 2013, adik-adik pelajar Diploma telah selesai menjalani peperiksaan Semester II 2012/2013 dan kini bercuti panjang selama tiga bulan. Manakala pelajar Sarjana Muda masih menjalani rutin kuliah seperti biasa. Manfaatkanlah cuti panjang dengan aktiviti yang berfaedah. Luangkan masa cuti anda bersama keluarga tersayang kerana pada masa bergelar pelajar inilah anda akan mempunyai masa yang banyak untuk mereka. Jika telah memasuki alam pekerjaan nanti pastinya masa anda amat terhad untuk bersama mereka. Jika merasakan bosan tanpa aktiviti di rumah, anda mungkin boleh mencari kerja sementara di musim cuti semester ini. Selain mengisi masa lapang, anda berpeluang menimba pengalaman bekerja. Kadangkala dalam tempoh kerja sementara inilah anda berpeluang bergaul dengan masyarakat dan melihat serta mendalami kehidupan insan lain. Teringat di alam kampus

dahulu, penulis mengambil peluang bekerja sementara di kilang sewaktu cuti semester bersama teman serumah. Bukan wang ringgit yang kami utamakan tetapi pengalaman dan pergaulan dengan masyarakat luar memberikan satu pengalaman baharu kepada kami. Sewaktu bekerja inilah, penulis berpeluang melihat kesusahan golongan pekerja kilang bercengkang mata siang dan malam mencari nafkah untuk keluarga. Semasa bekerja itulah, penulis mengingatkan diri bahawa; "Jika satu masa saya berada di atas, saya akan menjadi lebih faham kehidupan insan di bawah!"

Alam pekerjaan sementara juga mendidik kita menjadi individu yang lebih berani membuat keputusan. Malah anda juga bakal menjadi insan yang lebih berdisiplin mengenai masa kerana anda perlu mematuhi jadual kehadiran di tempat kerja. Alam pekerjaan pastinya menjadikan anda individu yang lebih matang. Namun begitu, jangan pula kuasa wang menjadikan anda lupa tugas hakiki sebagai pelajar.

Kesempatan ini juga, penulis ingin mengucapkan selamat datang kepada lapan ahli baharu Sidang Redaksi *Samudera*. Selamat berkarya dalam *Samudera*. Semoga *Samudera* akan menjadi lebih mantap pemaparannya pada masa akan datang.

Salam hormat,
Cik Bie



Pertandingan Simulasi Perniagaan IPTA Adyleen Azman CEO Terbaik



oleh: **Fadila Kasmawani Fakaruddin**

Kelab Entrepreneurship In Action (ENACTUS) meneruskan langkah cemerlangnya dengan mengharumkan nama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) ke peringkat kebangsaan apabila berjaya mendapat tempat keempat dalam Pertandingan Simulasi Perniagaan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) anjuran Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dengan kerjasama Malaysia Practice Enterprise Centre (MyPEC). Pertandingan ini berlangsung selama dua minggu iaitu pada 23 Januari hingga 2 Februari 2013 bertempat di Pusat Perniagaan CEDI, UUM dengan disertai oleh 75 peserta dari 15 IPTA di seluruh Malaysia.

Antara objektif utama pengantaran program ini adalah untuk melatih peserta dalam mempelajari selok belok menguruskan entiti perniagaan selain mampu bersaing dalam persekitaran yang mencabar. Pertandingan ini juga memerlukan

setiap pasukan membangunkan perniagaan secara maya. Peserta dibekalkan modal maya sebanyak RM10,000.00 dan wang daripada Pemodal Teroka dan pihak bank berdasarkan pembentangan rancangan perniagaan masing-masing.

Kejayaan UMT yang diwakili oleh lima pelajar yang proaktif dan berkualiti iaitu Adyleen Azman, Sarjana Muda Sains Nautika (Pengangkutan Maritim), Nazuha Izhah dan Siti Fadhliah Napik, Sarjana Muda Perakaunan, Siti Norsyafika Abdullah dan Jiehada Jamal Mohamad, Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran) telah melayakkan mereka membawa pulang RM1,500.00 berserta sijil. Sementara itu, Adyleen Azman turut dinobatkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Terbaik dan membawa pulang RM1,000.00 berserta sijil.

Adyleen menyatakan keterujaan beliau dalam menyertai pertandingan antarabangsa ini selain menyifatkan pengalaman selama tiga tahun dalam pertandingan Kelab ENACTUS

banyak membantunya mendalami pendekatan terbaik dalam mengendalikan sesebuah syarikat mahupun perniagaan. "Sebagai CEO dalam sesebuah perniagaan, ia bukanlah sesuatu yang mudah kerana sangat menguji keupayaan kita dalam menangani segala cabaran dan tekanan. Keputusan perlu rasional dan mendapat sokongan daripada semua pihak. Biarpun pasukan kami gagal meraih gelaran juara, anugerah yang saya terima ini sedikit sebanyak mengubat kekecewaan pasukan kami," katanya.

Pasukan dari UMT menunjukkan kecemerlangannya menerusi syarikat Securitech Sdn. Bhd. apabila menjalankan perniagaan secara maya dengan menghasilkan produk 'Easy Sense Gas Detector' dalam pertandingan ini. Nazuha Izhah selaku Ketua Pegawai Kewangan menyatakan bahawa mereka menjalankan perniagaan melalui gambaran suasana kerja sebenar dan dilakukan secara berperingkat melalui lima fasa iaitu membuat perancangan

perniagaan, membentangkan penyata kewangan kepada pelabur, menjalankan transaksi perniagaan, membuat pinjaman bank seterusnya membuat pembentangan kepada ahli lembaga pengarah.

Pertandingan Simulasi Perniagaan ini menyaksikan kemenangan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) sebagai juara menerusi syarikat E-Z Bhd sekaligus melayakkan mereka membawa pulang RM10,000.00, Piala Pusingan Menteri Pengajian Tinggi, piala iringan dan sijil. Universiti Putra Malaysia (UPM) juga menunjukkan taringnya dengan muncul sebagai naib juara menerusi syarikat Apprentice Sdn. Bhd., dan diikuti oleh Universiti Utara Malaysia (UUM) sebagai tempat ketiga menerusi syarikat Kelvative Sdn. Bhd., masing-masing membawa pulang RM5,000.00 dan RM3,000.00 beserta sijil. Sekalung tahniah diucapkan kepada mereka yang berjaya.

Baucar Buku 1Malaysia (BB1M) Bantu Ringan Beban Pelajar

oleh: **Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh**
Normardiana Mohammad Jaafar

Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Seri Mohd Najib Abdul Razak semasa pembentangan bajet belanjawan 2013, telah mengumumkan pemberian peruntukan sebanyak RM325 juta bagi melaksanakan inisiatif pemberian baucar buku berjumlah RM250 kepada setiap pelajar yang menuntut di institusi pengajian di bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi atau institusi pengajian yang telah berdaftar sama ada di pendidikan tahap tinggi (pra-universiti) atau institut pengajian tinggi (IPT). Peruntukan ini dianggarkan mampu untuk memberi manfaat kepada 1.3 juta pelajar seluruh Malaysia.

Inisiatif ini dirangka untuk meringankan beban perbelanjaan pembelian buku pengajian. Dalam pada masa yang sama, inisiatif ini dijangka dapat memupuk minat membaca di kalangan rakyat Malaysia. Penggunaan baucar buku ini sah untuk digunakan selama lima bulan iaitu bermula dari 1 Januari sehingga 31 Mei 2013. Bagi menggunakan baucar ini pelajar mesti mengemukakan kad pengenalan di mana-mana kedai buku yang menyertai pelaksanaan inisiatif ini. Namun demikian, pelajar perlu menambah menggunakan wang sendiri jika amaun barang-barang yang dibeli melebihi jumlah baucar yang telah diberikan. Baki baucar yang tidak habis digunakan selepas tarikh 31 Mei 2013 adalah dianggap luput dan tidak boleh dituntut. Di samping itu, setiap baucar buku yang diterima juga tidak boleh dijual, dipindah milik atau ditukarkan dalam bentuk wang tunai. Tindakan undang-undang mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan akan dikenakan kepada mana-mana pihak yang bersubahat dalam penyalahgunaan baucar ini atas kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang.

Mahasiswa UMT juga turut menerima pembelian Baucar Buku 1Malaysia ini. Semua mahasiswa UMT telahpun mengambil baucar buku di fakulti masing-masing.



Pemberian baucar buku ini perlu dimanfaatkan sepenuhnya dengan pembelian buku, alat tulis dan juga peralatan komputer. Gunakanlah pemberian ini sebaik mungkin dan elakkan diri daripada menyalahgunakan pemberian baucar untuk kepentingan lain.

Antara premis yang menerima baucar buku di Terengganu adalah MPH Bookstore, Popular Bookstore, Pustaka Seri Intan, Mydin Mall, Hassani Bookstore dan UMT Book Garden selain mana-mana pesta buku yang memaklumkan ada menerima baucar buku 1Malaysia. Premis-premis ini menerima baucar buku bagi pembelian buku-buku termasuklah buku rujukan dan buku latihan. Selain itu, premis ini juga menerima baucar buku ini untuk pembelian alat tulis juga. Bagi UMT Book Garden, mereka menetapkan hanya 30% sahaja penggunaan baucar buku untuk pembelian alat tulis dan 70% untuk pembelian buku.

Antara tips yang diberikan oleh Norhidayah Mohd Azmi, mahasiswa Sarjana Muda Sains Gunaan (Sarjana Muda Sains Gunaan [Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti]) tahun dua adalah membeli barangan keperluan sahaja dan menghadkan pembelian barangan

kehendak. Manakala, Mush'ab Othman mengatakan, mahasiswa seharusnya membeli barangan berfaedah sahaja seperti alat tulis, barangan komputer dan buku.

Rata-rata mahasiswa mengharapkan agar bantuan Baucar Buku 1Malaysia ini dapat diteruskan supaya beban mahasiswa dapat dikurangkan bagi menyediakan kelengkapan pembelajaran.

Pandangan pelajar:

"Saya menggunakan baucar yang diterima untuk membeli buku-buku agama dalam usaha membantu saya mendalami lagi ilmu agama. Selain itu, saya juga menggunakannya untuk membeli alat tulis yang diperlukan."

-Latifah Hashim, Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kejuruteraan Perisian).

"Baucar buku yang diterima telah saya gunakan untuk membeli buku yang saya inginkan selama ini iaitu buku yang ditulis oleh mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Tun Dr. Mahathir bin Mohamad. Sesungguhnya penerimaan baucar ini adalah sesuatu yang sangat mengembirakan bagi saya."

- Syazwani Ramli, Sarjana Muda

Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan).

"Usaha kerajaan dengan memberikan bantuan Baucar Buku 1Malaysia ini mampu memupuk semangat dan nilai membaca dalam kalangan mahasiswa. Ini bertepatan dengan saranan kerajaan yang ingin menggalakkan budaya membaca di kalangan rakyat Malaysia."

- Adrian Ong Wei Siang, Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)

"Baucar Buku 1Malaysia ini mampu membantu mahasiswa berikutan untuk membeli buku dan alat tulis kerana tidak semua mahasiswa mempunyai latar belakang keluarga yang sama. Ini secara tidak langsung dapat meringankan beban kewangan yang ditanggung terutama bagi mereka yang datang dari golongan yang berpendapatan rendah."

-Nazrin Ishak, Sarjana Muda Sains Gunaan (Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)).

"Baucar buku juga boleh diguna pakai di pesta barangan komputer. Saya telah menggunakan baucar ini untuk membeli hard disk di pesta barangan komputer yang diadakan di Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu baru-baru ini. Ini membantu saya menjimatkan wang memandangkan peralatan komputer ini dijual dengan harga yang mahal."

- Mush'ab Othman, pelajar Sarjana Muda sains (Kimia Analisis dan Peralatan).

"Pemberian baucar buku 1Malaysia ini amat berfaedah. Saya menggunakan baucar yang diterima untuk membeli beberapa buah buku sebagai bahan bacaan saya. Pada masa yang sama, pemberian baucar ini mampu meringankan beban mahasiswa untuk membeli buku rujukan memandangkan buku-buku rujukan yang digunakan adalah buku-buku yang mahal."

-Roziyah Ghazi, Sarjana Sains Ekologi.

“Explore The Nature” Peluang Pelajar Dekati Alam Sekitar



Antara pelajar yang menyertai Program 'Explore The Nature'.

oleh: **Amyra Abdul Malik**

“Explore The Nature” yang diadakan di Taman Negara Pahang, Jerantut pada 9 hingga 10 November 2012 yang lepas bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar terhadap kepentingan alam sekitar, tentang cara kehidupan Orang Asli dan memupuk semangat kerjasama antara mereka iaitu berlandaskan objektif Jabatan Sains Biologi. Program yang disertai oleh 33 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar Kelab Gabungan Mahasiswa Biologi (BIOSIS) dan seorang pengiring iaitu Dr. Andrew Anak Ngadin, selaku Penasihat Kelab BIOSIS.

Program ini adalah berbentuk *camp building* iaitu aktiviti berbentuk perkhemahan yang dijalankan di Taman Negara Pahang. Melalui aktiviti perkhemahan ini, ia dapat mengeratkan hubungan serta mengutuhkannya semangat kerjasama antara ahli-ahli BIOSIS. Antara pelbagai aktiviti yang telah dijalankan ialah kembara malam, *jungle trekking* di Bukit

Tereseke, *Canopy Walkway* di jambatan sepanjang 280 meter, *rapids shooting* dan melawat perkampungan Orang Asli. Setiap aktiviti yang dijalankan ini adalah di bawah kawalan agensi Danz Travel & Adventure Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang pakar menguruskan aktiviti seperti ini.

Pada hari pertama, hari dimulakan dengan pengenalan dan taklimat keselamatan serta penerangan aktiviti program di tapak perkhemahan dan peserta dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang diketuai oleh pemandu pelancong supaya keselamatan setiap ahli terjaga. Aktiviti pertama yang dijalankan ialah meredah sungai dan kemudiannya diteruskan dengan aktiviti berjalan malam pada waktu malam, di mana ia memberi peluang kepada para peserta untuk meninjau serangga-serangga yang aktif pada waktu malam seperti ulat gonggok hutan, kala jengking dan sebagainya. Aktiviti ini juga memberi peluang kepada para peserta untuk meninjau haiwan yang aktif pada

waktu malam. Aktiviti lasak yang dijalankan pada hari kedua pula ialah *jungle trekking* di Bukit Tereseke. Para peserta dapat meninjau kehijauan flora dan fauna di hutan hujan tropika tertua di dunia iaitu 130 juta tahun di situ. Melalui aktiviti ini, mereka dapat mengenali tumbuh-tumbuhan liar serta dapat memupuk nilai kesedaran terhadap kepentingan alam sekitar. *Canopy walk* merupakan aktiviti berjalan di atas jambatan gantung yang terpanjang dan tertinggi di dunia iaitu 500 meter panjang dan 45 meter tinggi.

Selain itu, terdapat juga aktiviti *rapids shooting* yang memberi lebih cabaran kepada para peserta kerana mereka perlu melalui arus air yang deras dan berliku dengan menaiki bot. Para peserta berkesempatan untuk beramah mesra dengan penduduk Orang Asli yang menetap di situ. Layanan yang mesra diberikan oleh penduduk di situ memberi peluang kepada para peserta untuk lebih mengenali cara hidup mereka di kawasan

tersebut. Aktiviti yang diadakan tidak membebankan para peserta dan tiada kecederaan berlaku sepanjang program yang dijalankan.

Diharap agar program sebegini dapat diteruskan lagi agar mahasiswa mendapat pendedahan mengenai hutan di dalam negara sendiri dan justeru dapat menanam sifat peka terhadap alam sekitar serta memberi ruang untuk memikirkan kepentingan hutan terhadap ekosistem. Selain itu, Hubungan yang lebih akrab di antara ahli-ahli BIOSIS dapat diertatkan dengan aktiviti berkumpul yang santai yang dapat memupuk semangat kerjasama di antara ahli BIOSIS. Program sebegini perlu diadakan sebagai sebahagian daripada keperluan pembangunan pelajar untuk kecemerlangan akademik dan sahsiah di masa hadapan kerana ia salah satu cara untuk mencapai matlamat yang dirancang dan untuk merealisasikan objektif kelab serta objektif Universiti Malaysia Terengganu.

Dua bulan bergraduasi Suhaimi diterima sebagai Penyelia Ladang

oleh: **Normadiana Mohamad Jaafar**



Samudera: Assalamualaikum. Terlebih dahulu pihak **Samudera** ingin mengucapkan ribuan terima kepada Encik Ahmad Suhaimi kerana kesudian untuk ditemuramah bagi berkongsi pengalaman dan ilmu yang dimiliki.

Ahmad Suhaimi: Waalaikumsalam. Sama-sama diucapkan. Saya juga berterima kasih kerana sudi menemuramah saya. Semoga sedikit pengalaman yang dikongsi ini akan memberi impak kepada pembaca **Samudera**.

Samudera: Sebagai pembuka bicara boleh Suhaimi terangkan serba sedikit mengenai latar belakang dan kursus pengajian yang diambil sepanjang berada di UMT.

Ahmad Suhaimi: Nama penuh saya, Ahmad Suhaimi bin

Mohamad dan berasal dari Felda Jengka, Pahang. Saya kini berumur 23 tahun. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah di SMK Jengka 2, Pahang dan seterusnya melanjutkan pengajian di Kolej Matrikulasi Melaka dalam aliran sains hayat dan ditawarkan untuk meneruskan pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dalam program Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur) pada tahun 2009. Alhamdulillah, saya berjaya menamatkan pengajian saya dalam program tersebut pada 2012.

Samudera: Boleh ceritakan tentang pekerjaan yang dilakukan sekarang. Bagaimanakah cara saudara memperolehi pekerjaan ini? Dalam tempoh berapa lama selepas bergraduasi saudara mendapat pekerjaan ini.

Ahmad Suhaimi: Perkerjaan sekarang adalah sebagai Penyelia Projek/Ladang atau *Farm Supervisor/Project* di IRIS Corporation Berhad. Penglibatan pekerjaan saya merangkumi bidang agro dan akuakultur di mana saya bukan sahaja menjaga projek akuakultur iaitu bidang pengkhususan saya di situ, malah saya juga terlibat dalam agro di mana saya terlibat dalam produk utama syarikat saya iaitu *Gold Melon* dan *Rock Melon* yang menggunakan teknologi tinggi seperti menggunakan rumah hijau. Saya memperolehi pekerjaan ini melalui *JobStreet.com*. Alhamdulillah, saya tidak perlu menunggu terlalu lama untuk mendapatkan perkerjaan apabila saya ditawarkan pekerjaan ini dalam tempoh 2 bulan selepas saya bergraduasi.

Samudera: Umum mengetahui sebagai mahasiswa ada waktu jatuh bangunnya, bagaimanakah

cara saudara Suhaimi memotivasikan diri untuk bangun selepas itu.

Ahmad Suhaimi: Setiap apa yang kita lakukan pasti ada naik dan turun. Saya sentiasa mengatakan pada diri yang saya boleh buat sesuatu. Kalau orang lain boleh buat kenapa tidak saya. Selain itu, saya selalu menerapkan dalam diri saya bahawa fokus itu penting. Kalau kita mahu mendapatkan sesuatu, kita harus memberikan tumpuan untuk mendapatkannya. Jangan target yang lama belum tercapai, kita membuat target perkara baharu yang lama tercapai terlebih dahulu sebelum memberi fokus kepada perkara yang lain. Jadi fokus tu penting. Selain itu saya juga turut berpegang kepada prinsip, tidak ada orang yang bodoh dan pandai saya hanya percaya ada orang yang rajin dan malas sahaja.



Tanaman padi menggunakan kaedah fertigasi.

Samudera: Pada pandangan Suhaimi yang kini telah bergraduasi dan kini telah memasuki alam pekerjaan, apakah nilai tambah yang penting yang perlu ada dalam diri mahasiswa dalam memastikan kita mudah untuk mendapat tempat dalam bidang pekerjaan.

Ahmad Suhaimi: Selepas memasuki alam pekerjaan saya mengenalpasti beberapa nilai tambah yang harus dimiliki oleh para graduan yang perlu diaplikasikan dalam alam pekerjaan. Nilai tambah ini sepatutnya dibentuk semenjak kita bergelar mahasiswa lagi. Antaranya adalah:

- o *Communication skill*
- o Boleh bekerja tanpa pengawasan
- o Boleh membuat keputusan
- o *Not spoon feed person*

Samudera: Boleh Encik Suhaimi ceritakan pengalaman dan penglibatan sepanjang bergelar mahasiswa di UMT.

Saya pernah menyertai pelbagai aktiviti. Antara yang saya ingat pertandingan *go-cart* semasa semester pertama saya. Seterusnya, konvoi bermotor kemerdekaan, kempen derma



darah, pertandingan fotografi, dan saya meraih tempat keenam dalam pertandingan itu. Saya juga merupakan ahli yang aktif dalam kelab K-fomia UMT.

Samudera: Bagaimanakah Suhaimi membahagikan masa antara akademik dan aktiviti kampus.

Ahmad Suhaimi: Saya mengutamakan akademik dahulu. Jika ada sebarang aktiviti kampus yang mengganggu akademik saya, saya akan meninggalkan aktiviti itu. Banyak aktiviti yang tidak dapat saya sertai kerana bimbang akan mengganggu prestasi akademik saya kerana saya akan hilang fokus jika melakukan banyak perkara dalam satu masa.

Samudera: Apakah nasihat Suhaimi kepada adik-adik yang kini sedang bergelar mahasiswa di UMT. Jika saudara tidak keberatan mungkin juga dapat menurunkan sedikit tips untuk berjaya seperti saudara.

Ahmad Suhaimi: Kepada adik-adik yang kini sedang bergelar mahasiswa pesanan saya yang paling penting adalah jangan malas. Semasa saya baru menghabiskan peperiksaan semester terakhir ada statistik yang dikeluarkan di dalam surat khabar menyatakan seramai 40,000 graduan yang baru bergraduasi mencari pekerjaan. Bayangkan dengan jumlah sebanyak itu di mana tempat pekerjaan untuk kita? Sesal dulu pendapatan sesal kemudian tiada guna. Gunakanlah sepenuh masa dengan sebaik mungkin. Pesan saya kepada adik-adik belajar rajin-rajin. Yang keduanya adalah pilih elektif yang berkaitan dengan program pengajian anda, ini kerana ia amat membantu dalam *resume* anda dan semasa temuduga berkerja. Kepada pelajar tahun akhir, kalian bolehlah mula meminta kerja dari sekarang. Jangan tunggu sehingga kalian selesai berkonvo dahulu untuk memohon kerja. Sesungguhnya persaingan dalam pasaran kerja sekarang sangat sengit.

Samudera: Boleh saudara kongsi petua untuk mudah mendapat pekerjaan.

Ahmad Suhaimi: Sebenarnya semua ini bergantung kepada rezeki tetapi saya percaya sebagai manusia kita juga perlu berusaha

sebelum bertawakkal. Berikut merupakan beberapa petua yang saya kenal pasti dalam memudahkan kita berjaya untuk mendapatkan sesuatu pekerjaan.

- o *Resume* yang mantap
- o Keyakinan diri
- o Majikan menilai kita melalui *first impression* yang diberikan bermula dari

kita memasuki bilik temuduga. Pastikan mereka mendapat pandangan yang baik tentang diri kita.

Bekerja sebagai Penyelia Ladang memberikan kepuasa kepada Suhaimi dan beliau menjadi rapat dengan tanaman dan haiwan ternakan.



Ahmad Suhaimi turut memantau penanaman rock melon.



Pokok padi tumbuh subur melalui kaedah fertigasi.



Bekerja sebagai Penyelia Ladang memberikan kepuasan kepada Suhaimi dan beliau menjadi rapat dengan tanaman dan haiwan ternakan

Petua Mudah dapat Kerja

- *Resume* yang mantap
- Keyakinan diri
- Majikan menilai kita melalui *first impression* yang diberikan bermula dari kita memasuki bilik temuduga. Pastikan mereka mendapat pandangan yang baik tentang diri kita.

Setiap Graduan Perlu...

- Ada *Communication skill*
- Boleh bekerja tanpa pengawasan
- Boleh membuat keputusan
- *Not spoon feed person*

Lawatan Muhibah MPP UMS ke kampus UMT

oleh: **Fatin Nadzirah Zakaria**



Wakil MPP UMS menyerahkan cenderamata kenang-kenangan kepada Cik Arzura Abdullah (kiri).



Deligasi MPP UMS 1 Malaysia bersama MPP UMT di hadapan Dataran Canselori UMT.

Pada 30 Januari 2013, pihak Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (MPP UMT) telah menerima lawatan dan diskusi bersama deligasi Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Sabah (MPP UMS). Kedatangan MPP UMS disambut baik oleh pihak UMT terutama sekali pihak MPP.

Tepat jam 2.00 petang, seramai 30 orang deligasi MPP UMS yang diketuai oleh Presidennya, Saudara Mohd Juhar Harun dan seorang pegawai pengiring iaitu Cik Masnaneh Masdin telah berkunjung ke kampus UMT. Setelah mengadakan lawatan ke Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan kini tibalah masanya untuk mereka mengenali dan menjalin hubungan yang baik dengan UMT pula. Bertemakan slogan "Delegasi UMS 1Malaysia" yang dibawa ketika melawat universiti di Semenanjung. Mereka telah mengadakan lawatan ke universiti-universiti di Semenanjung

Malaysia selama 12 hari.

Agenda lawatan diadakan adalah untuk melakukan pertukaran idea dan diskusi antara MPP UMT dan MPP UMS, Lawatan Kampus dan Sesi "press conference" bersama wartawan *Samudera*. Setibanya di UMT, mereka dibawa ke Kompleks Siswa dan dihidangkan dengan makanan tengah hari terlebih dahulu sebelum program-program lain dijalankan. Pada jam 2.30 petang pula, MPP UMS dibawa ke bilik perbincangan.

Sesi pertukaran idea, tayangan video korporat dan sesi soal jawab telah berlangsung di bilik perbincangan. Sesi perbincangan telah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Holistik Pelajar, Prof. Madya Hj. Zainal Ashirin Shahardin iaitu dan diiringi oleh Penolong Pendaftar PPHP, Cik Arzura Abdullah merangkap sebagai Timbalan Pengerusi pada sesi perbincangan tersebut. Antara wakil MPP yang hadir iaitu Presiden MPP UMT, Saudara Saadam Hussain dan Bendahari MPP UMT iaitu Saudara Ganesh Kumar. Sesi perbincangan diadakan bagi memperbaiki struktur pentadbiran

Majlis Perwakilan Pelajar bagi UMT dan UMS. Pihak wartawan *Samudera* juga berkesempatan mempromosikan lagi UMT melalui saluran bercetak iaitu akhbar *Samudera* keluaran Oktober, November dan Disember. Selepas itu, sesi lawatan diadakan di sekitar Kompleks Siswa

termasuklah Pusat Kesihatan Universiti. Tepat jam 5.00 petang, MPP UMS mula menaiki bas untuk lawatan yang seterusnya ke UniSZA dan ke universiti yang lain. Sesungguhnya lawatan seperti amatlah memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.



Presiden MPP UMT, Saudara Saadam Hussain (kanan) menyambut kehadiran Presiden MPP UMS, Saudara Mohd Juhar Harun (kiri) di Dataran Canselori UMT.

Misi Kemanusiaan Kedua Kelab Penyayang Berjaya!

oleh: **Amyra Abdul Malik**

Kelab Penyayang Universiti Malaysia Terengganu telah menganjurkan Program Misi Kemanusiaan Penyayang UMT ke Kemboja Siri II 2013 dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Malaysia Terengganu pada 1 hingga 5 Mac 2013 yang bertempat di Kampung Che'ng Provek Pong, Kemboja.

Program ini bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa/ mahasiswi UMT kepada sikap kesukarelawan dalam memberi bantuan kemanusiaan, serta berkongsi ilmu dan pengalaman bagi membentuk jati diri dan sahsiah yang intelek. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi peluang kepada mahasiswa untuk membuat kerja kemanusiaan kepada komuniti Islam di Kemboja di samping dapat memupuk sikap yang prihatin dalam diri peserta. Pada masa yang sama, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Kelab Penyayang UMT dapat diperkenalkan ke peringkat antarabangsa. Selain daripada bantuan berbentuk makanan, pakaian dan perubatan yang disalurkan di sana, Penyayang UMT turut mengambil inisiatif cuba menjana ekonomi masyarakat Islam di sana dengan



Antara peserta yang mengikuti Misi Kemanusiaan Penyayang UMT Di Kemboja Siri II 2013.

menyumbangkan 1000 ekor baka ayam ke projek penternakan ayam dan dalam masa tertentu, mereka akan mendapat hasil sama ada jualan daging ayam atau telur ayam dan projek ini akan dipantau dari masa ke semasa oleh koordinator yang ditugaskan. Ia dapat membuka peluang pekerjaan dan peluang perniagaan penduduk di sana.

Kebanyakan aktiviti yang dijalankan adalah untuk membuat

tinjauan susulan daripada misi kemanusiaan Kelab Penyayang Siri I dan membantu masyarakat Islam Kemboja di sana. Antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti 'Ukhwah Day' iaitu sesi beramah mesra dan bersukaneka bersama anak-anak yatim di Pusat Rumah Anak Yatim, 'I'll Be There For U', 'Hygiene', 'Penyayang Gives Back', 'Al-Hidayah Programme' dan aktiviti melawat tempat-tempat menarik

di Phnom Penh. Program 'I'll Be There For U' merangkumi majlis berkhatah, *mobile clinic* dan aktiviti melukis dan mewarna bersama adik-adik di situ. Pemberian vitamin, ubat cacing dan ubat kutu juga diberikan dalam program 'Hygiene'. Selain itu, bimbingan qiraati juga diberikan kepada adik-adik di sana melalui program 'Al-Hidayah'.

Pengarah program, Mohd Khairul Azhar Mohd Samsudin berkata, "Fokus kami dalam Misi Kemanusiaan Kemboja Siri II Kelab Penyayang UMT kali ini lebih menurus kepada penajanaan ekonomi dan infrastruktur, di mana kami memulakan projek perternakan ayam kelab penyayang, membina *waterpump*, menjalankan kem perubatan yang melibatkan aktiviti bersunat, mencuci rambut dan memberi ubat cacing serta membina rumah untuk penduduk yang susah di kawasan tersebut." Keseluruhannya, program ini berjalan lancar bermula daripada pemilihan sukarelawan yang layak kemudiannya mereka berusaha selama sebulan untuk mencari dana bagi menampung perbelanjaan barang-barang yang akan didermakan kepada rakyat Kemboja yang kurang mampu iaitu kebanyakannya masyarakat



Pemberian cenderamata UMT oleh Pengarah Program kepada Menteri Hal Ehwal Agama Islam Kemboja, Dr. Mohsien.

kampung, anak-anak dan 'boat people'. "Di kemboja kami merasai pahit getir kehidupan masyarakat di sana, kehidupan mereka jauh berbeza daripada Malaysia, ramai di antara mereka menjadi pegemis jalanan malahan terlibat dalam aktiviti pelacuran dan kadar kesihatan masyarakat di sana juga rendah. Kami semua terkesan dengan penderitaan rakyat di sana malah jika berpeluang kami ingin membantu mereka pada masa akan datang", ujarnya lagi.

Pelbagai program amal dan kebajikan telah dilakukan oleh Kelab Penyayang di dalam negara, maka kelab ini mengambil langkah untuk mendekati golongan yang kurang bernasib baik ini iaitu komuniti Islam di Kemboja yang bertempat di Kampung Che'ngang. Diharapkan program seperti ini diadakan lagi bagi mendedahkan mahasiswa kepada dunia luar.



Antara penduduk yang mendapat bantuan.



Telatah kanak-kanak disana.



Sebahagian peserta bersama kanak-kanak kawasan tersebut.



Keseronokan menaiki motobus.

Kerja Sambilan... Boleh ke?

oleh: **Fadila Kasmawani
Fakaruddin**

Seperti yang kita sedia maklum, pelajar dan kerja sambilan merupakan sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Pelbagai pandangan telah dilontarkan berkaitan pelajar yang menjalankan kerja sambilan di luar waktu belajar sama ada dari sudut positif atau pun sebaliknya. Justeru, perkara ini sudah menjadi lumrah dalam kalangan remaja terutamanya remaja yang berasal daripada keluarga yang berpendapatan sederhana atau rendah. Bekerja sambilan sewaktu masih menuntut adakalanya sudah menjadi keperluan bagi menampung perbelanjaan kehidupan, terutama di kota.

Beberapa tips pada mereka yang ingin bekerja sambilan :

i. Melatih diri anda menghargai masa kerana bukan mudah melakukan dua pekerjaan dalam satu masa.

ii. Memilih jadual bekerja pada hujung minggu saja kerana waktu malam pada hari bekerja boleh dimanfaatkan untuk mengulangkaji pelajaran.

iii. Tumpukan sepenuh perhatian ketika berada di dalam kelas di mana boleh membantu anda menjimatkan masa mengulangkaji semula sesuatu subjek.

iv. Membuat nota kecil yang mudah dibawa. Sekiranya anda masa lapang ketika anda bekerja, gunakan masa itu untuk membaca nota-nota penting. Dengan cara ini membantu anda untuk sentiasa mengingati ilmu yang dipelajari.

v. Anda mesti mendapatkan tidur dan rehat yang cukup bagi menjamin masa berkualiti ketika menghadiri kelas.

Antara kesan negatif bekerja sambilan bagi seorang pelajar:

i. Pelajar dikhuatiri hilang tumpuan terhadap pelajaran kerana mungkin mereka berasa penat terutama bagi pekerjaan yang banyak melibatkan aspek fizikal seperti berjalan kaki atau berdiri berjam-jam.

ii. Alam pekerjaan akan mencemarkan minda pelajar dengan kuasa wang. apabila pelajar sudah selesai dengan pekerjaan yang dilakukannya dan mendapat gaji yang berbaloi maka tumpuan utama terhadap pelajaran semakin hilang.

iii. Pelajar cenderung untuk terjebak dalam kancang gejala sosial. Mereka yang kurang pendidikan agama mungkin memilih pekerjaan sambilan yang tidak sesuai seperti bekerja di kelab malam. selain itu, mereka juga terdedah kepada tabiat merokok, mengambil dadah, atau budaya hedonisme yang semakin menular.

Kesimpulannya, walau apa jua keadaan sekalipun, pelajaran mestilah menjadi keutamaan selain menjadi bekalan sepanjang hidup. Ini kerana, matlamat utama anda berada di universiti ialah untuk belajar. Sebab itu, atur masa sebaik mungkin kerana setiap pekerjaan yang dilakukan itu ada baik dan buruknya bergantung kepada kebijaksanaan anda dalam mengatur rutin yang harus diikuti.

Nasihat buat pelajar yang bekerja:

- * Elak kuasa wang pengaruh diri lupa pelajaran.
- * Elak diri terjebak dengan maksiat.
- * Pilih pekerjaan yang tidak terlalu berat.
- * Pilih pekerjaan yang tidak mengganggu jadual kuliah.
- * Pilih pekerjaan di kawasan yang selamat.
- * Bawa nota kecil bagi memudahkan anda mengulangkaji pelajaran jika punya waktu terluang di tempat kerja.
- * Bagi pelajar Muslim, pastikan pekerjaan yang dilakukan tidak mengabaikan waktu solat.

Contoh Pekerjaan yang boleh anda cuba:

- * Pembantu penyelidik
- * Pekerja sambilan kedai 24 jam
- * Pekerja sambilan restoran makanan segera
- * Pengasuh sambilan kanak-kanak
- * Jurujual sambilan kedai cenderamata

Espriex 2013 Bawa Nama UMT ke Peringkat ASEAN

oleh: **Yusrina Omar**

Lima orang pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang merupakan ahli Himpunan Siswa Siswi Perakaunan Universiti Malaysia Terengganu (HISAAC UMT) telah terpilih sebagai kumpulan yang layak ke peringkat akhir Pertandingan Model Perniagaan Antarabangsa Espriex (ASEAN) yang dianjurkan oleh Jabatan Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Pentadbiran Sains, Universitas Brawijaya, Malang, Indonesia.

Pertandingan yang pertama kali diadakan di Indonesia dan menjadi acara tahunan bagi Universitas Brawijaya (UB) dengan menggunakan nama Espriex dan bagi tahun 2013, tema Espriex ialah "Creative Business For Shaping The Future of ASEAN". Pertandingan ini diadakan pada 22 Februari 2013.

Kesemua pelajar yang

terlibat adalah pelajar Sarjana Muda Perakaunan Tahun Tiga iaitu, Franklin Philip Shepherdson, Fatin Nabilah Abdul Wadi, Yusrina Omar, Nur Syamilah Mohamad dan Mohammad Faizal Hassan. Kelainan kumpulan ini berbanding kumpulan lain ialah mereka pergi ke Indonesia sebagai satu-satunya kumpulan yang membawa nama kelab sebagai nama kumpulan berbanding kumpulan lain yang menamakan nama produk mereka sebagai nama kumpulan.

HISAAC UMT merupakan antara 18 kumpulan yang layak ke peringkat akhir kategori antarabangsa daripada 269 kumpulan yang telah menyertai pertandingan ini. Antara pesaing-pesaing yang terlibat dalam kategori antarabangsa terdiri daripada Myammar, Singapura, Malaysia dan juga Indonesia. UMT merupakan salah satu daripada lima penyertaan dari Malaysia yang layak ke peringkat akhir

yang memberikan perbentangan mengenai model perniagaan dihadapan para juri yang begitu profesional dan arif mengenai perniagaan.

Menurut salah seorang wakil kumpulan HISAAC UMT, pertandingan ini merupakan satu landasan yang baik untuk para pelajar bagi mencungkil bakat mengenai model perniagaan yang melibatkan idea dan inovasi baru. Pengalaman berada di sana sememangnya sesuatu yang susah dilupakan kerana layanan para penganjur kepada semua peserta yang sangat memuaskan dan persekitaran UB sendiri yang begitu mengagumkan. Bukan kejayaan yang diutamakan tetapi peningkatan diri dan semangat kerjasama yang diperlukan. Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada ENACTUS UMT, staf UMT, dan pensyarah-pensyarah terutama di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) kerana banyak membantu

dan memberi tunjuk ajar sebagai persediaan dan bekalan kami sebelum ke Indonesia.

Walaupun tidak pulang dengan kemenangan, tetapi ianya merupakan sesuatu pencapaian yang bagus bagi HISAAC UMT yang membawa nama kelab perakaunan dan juga membawa nama UMT ke Indonesia. Tahiah dan syabas diucapkan kepada kesemua peserta dan diharapkan pada tahun hadapan UMT akan menghantar penyertaan dalam pertandingan ini.



Apabila Baju Melayu Bertemu Baju Kurung

oleh: **Normadiana Mohammad Jaafar**

Cinta adalah sesuatu yang fitrah dalam diri seorang manusia. Cinta itu bukanlah sesuatu yang salah jika kita meletakkannya di tempat yang betul. Berbekalkan semangat untuk memastikan para belia hari ini tidak menyalahgunakan istilah cinta itu, Persatuan Belia Islam Nasional (PEMBINA) Kuala Terengganu bekerjasama dengan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menganjurkan Forum *Kafe Cinta* yang bertempat di Auditorium Mahyuddin pada 23 Februari 2013.

Forum *Kafe Cinta* ini diadakan bagi menerangkan batas-batas pergaulan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram, memberi kesedaran tentang bahaya pergaulan bebas dan kesan negatifnya terhadap jati diri belia selain menyarankan mahasiswa untuk mencari jalan penyelesaian yang halal dalam hubungan percintaan. Melalui

program ini, peserta didedahkan dengan contoh-contoh yang praktikal daripada kehidupan junjungan besar Nabi Muhammad SAW dalam aspek pergaulan serta hubungan lelaki dan perempuan.

Bertemakan; "Baju Melayu Bertemu Baju Kurung", forum ini membariskan dua orang ahli panel Dr. Amir Zal bin Wan Ismail, pensyarah dari Fakulti Pembangunan Sosial dan Ustazah Tasnim, pensyarah dari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Manakala, Ustazah Amie Sofia binti Ahmad, Juara Solehah TV Al-Hijrah bertindak sebagai moderator pada malam itu. Program ini telah dirasmikan oleh Pengerusi PEMBINA Kuala Terengganu, En. Kamarul Azizan bin Abdul Rahman. Peserta pada malam itu bukan sahaja terdiri daripada siswa dan siswi UMT, malah turut dihadiri oleh siswa dan siswi dari (UniSZA), Institut Perguruan Kampus Dato' Razali Ismail dan Politeknik Kuala



Panel forum, Dr. Amir Zal bin Wan Ismail (kanan), Ustazah Tasnim dan Ustazah Amie Sofia.

Terengganu.

Forum *Kafe Cinta* ini diserikan lagi dengan dendangan nasyid daripada kumpulan nasyid Muhibbin, dari UniSZA. Menurut Siti Fatimah binti Abdul Motalib selaku pengarah program Forum *Kafe Cinta*, "Diharapkan para peserta program ini dapat mengaplikasikan setiap input yang diperolehi sepanjang forum dijalankan. Selain itu, saya juga berharap agar kerjasama antara

MPP UMT dan PEMBINA Kuala Terengganu dapat diteruskan dalam penganjurkan program di masa hadapan. Semoga ukhuwah yang terjalin tidak terhenti setakat itu sahaja." Sesungguhnya Forum *Kafe Cinta* ini banyak memberikan manfaat dan pedoman mengenai cinta kepada semua yang hadir dan menjadi salah satu medium penting dalam mengatasi masalah sosial yang melanda belia pada hari ini.

Speakers' Corner Medan Suara Mahasiswa UMT

oleh: **Normadiana Mohammad Jaafar**

Speakers' Corner adalah medan di mana pengucapan awam, perbincangan dan perdebatan dilakukan secara terbuka. *Speakers' Corner* sangat terkenal di London, United Kingdom seperti di Hyde Park. Penceramah bebas memperkatakan tentang apa-apa isu selagi tidak menyalahi undang-undang dan perlembagaan negara.

Sebagai suatu langkah dalam melahirkan mahasiswa yang cakna dengan isu semasa dan berani untuk menyuarakan pendapat, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaysia Terengganu telah mengambil langkah proaktif dengan menganjurkan *Speakers' Corner* pada 27 Februari 2013 yang bertempat di Teflon Kolej Kediaman. Medan *Speakers' Corner* pada malam itu memperlihatkan kesungguhan mahasiswa dalam memperjuangkan setiap topik yang diperkatakan agar dapat diterima oleh para penonton. Lebih menarik pada malam itu, apabila semua peserta menyampaikan

hujah masing-masing dengan menggunakan kebijaksanaan dan ini merupakan sesuatu yang membanggakan apabila melihat mahasiswa petah berbicara menggunakan modal-modal yang

bukanlah diniatkan sebagai medan untuk menghasut mahasiswa memperjuangkan ideologi sendiri tetapi medan ini diharapkan dapat membuka mata mahasiswa dalam membezakan antara realiti dan

adalah menjadi sesuatu yang merugikan jika golongan ini gagal menjana pemikiran yang boleh dikategorikan sebagai salah satu sudut perspektif pandangan golongan cerdik pandai. Menurut Pengarah Program, Mohamad Nor Khasbi bin Jarkoni, kesimpulannya yang dapat dibuat melalui pengajuran *Speakers' Corner* yang pertama kali diadakan pada tahun ini adalah penglibatan mahasiswa dalam bersuara melalui saluran yang betul masih rendah. Ini secara tidak langsung mencerminkan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti bukan kampus perlu dipertingkatkan. Pelbagai langkah telah dirancang dalam menarik lagi perhatian mahasiswa dalam medan *Speakers' Corner* seperti megadakannya pada waktu puncak di tempat-tempat yang menjadi perhatian mahasiswa. Diharapkan pengajuran *Speakers' Corner* pada masa akan datang dapat memberikan lebih impak kepada semua pihak dalam usaha Malaysia melahirkan rakyat yang mempunyai minda kelas pertama.



begitu jitu dan mantap.

Saudara Ganes Kumar a/l Ulaghanathan yang mewakili Majlis Perwakilan Pelajar menjelaskan, medan yang diberikan dalam *Speakers' Corner*

fantasi. Medan ini juga menjadi medium penting bagaimana mahasiswa menerima sesuatu isu berdasarkan akal fikiran dan bukanlah berlandaskan emosi semata-mata. Sebagai mahasiswa

Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Begitulah kata-kata yang mampu dilafazkan mengenangkan penderitaan yang dialami oleh ayah Saudari Siti Fadhilah Mustapha, pelajar Biodiversiti Tahun 1 yang juga merupakan Ahli Exco Publisiti dan Multimedia Kelab Amatur Intelektual (KAI) Universiti Malaysia Terengganu. Ayah Saudari Fadhilah koma dan masih menerima rawatan rapi di Hospital Sultan Ahmad Shah, Temerloh Pahang akibat kemalangan. Akibat daripada kemalangan itu terdapat juga sedikit pendarahan di bahagian kepala dan kesukaran untuk bernafas.

Atas dasar keprihatinan dan kebajikan ahli, pihak KAI telah mengambil peluang untuk menziarahi keluarga Saudari Fadhilah dan menghulur sedikit sumbangan pada 5 Mac 2013. Antara pimpinan KAI yg turut serta dalam lawatan tersebut ialah Presiden KAI UMT, Muhammad Raimi bin Abdul Rauf, Setiausaha Agung KAI UMT, Adly Arif bin Khairudin, Exco Pembangunan Insan, Muhammad Afiq Syazwan bin Ismail, Exco Pendidikan dan

KAI Prihatin

oleh: **Normardiana binti Mohammad Jaafar**



Kebajikan, Mohd Hafizi bin Yusof dan Exco Perpaduan Luar dan Diplomati Zaimah bt Rozman.

Lawatan sebegini bukan sahaja dapat meringankan sedikit beban buat Saudari Fadhilah malah dapat turut memberikan

sokongan moral kepadanya. Walaupun jumlah bantuan yang diberikan tidak seberapa namun kehadiran rakan-rakan seperjuangan secara tidak langsung menjadi penguat semangat untuk menghadapi

semua ini sebagai ujian hidup.

Menurut Saudara Muhammad Raimi bin Abdul Rauf, "Menziarahi sahabat yang ditimpa musibah adalah kewajipan bagi manusia yang mempunyai sifat kemanusiaan. Ini secara tidak langsung dapat memberi sokongan kepada rakan kita bukan sahaja dari sudut sokongan fizikal, malah dalam bentuk sokongan moral. Secara tidak langsung, menziarahi teman yang ditimpa musibah akan menjadikan kita bersyukur dengan kesihatan yang ada pada kita."

Kami di pihak *Samudera* mendoakan semoga ayah Saudari Siti Fadhilah akan segera pulih serta Saudari Siti Fadhilah sekeluarga diberikan kekuatan dan ketabahan dalam mengharungi ujian ini. Sesungguhnya ujian hidup itu bukanlah suatu bencana sebaliknya adalah rahmat kepada kita agar sentiasa menjadi manusia yang tidak lupakan Pencipta kita.

UMT terima lawatan deligasi Thaksin University

oleh: **Normardiana Mohammad Jaafar**

Program lawatan rasmi dari Thaksin University, Thailand merupakan satu langkah yang proaktif dalam memberi pendedahan kepada pelajar mengenai dunia sebenar di peringkat global. Universiti Malaysia Terengganu (UMT) turut terpilih dalam rangka lawatan itu selain Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Lawatan ini disertai oleh pelajar-pelajar dari Thaksin University iaitu dari Fakulti *Physical Education*. Antara peserta deligasi ini adalah Prof. Madya Kreingkrui Thammlukana, Mr. Kasem Pantusa, Mr. Surasak Paidam dan MRS. Orapin Tipdech yang merupakan tenaga pengajar di Thaksin University.

Program lawatan ini bertujuan memberi pendedahan kepada mahasiswa dari Thaksin University terutamanya dalam bidang sukan sebelum mereka menamatkan pengajian kelak. Selain itu, lawatan ini juga turut

dirangka bagi melihat kemudahan, pengurusan kewangan dan pengurusan atlet oleh pihak Pusat Sukan di UMT. Melalui lawatan ini juga, mahasiswa dari Thaksin University dapat bertukar-tukar fikiran dengan mahasiswa UMT mengenai pembangunan sukan.

Program lawatan rasmi selama sehari di UMT ini dimulakan dengan perlawanan persahabatan bola tampar antara pemain Thaksin University dengan UMT. Dalam perlawanan ini kemenangan berpihak kepada Thaksin University selepas masing-masing seri dalam perlawanan set pertama dan kedua.

Pada sebelah petang pula, para peserta diberi taklimat mengenai UMT oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMT, YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar Mohamed Shazili, bertempat di Dewan Senat. Turut menghadiri majlis itu adalah adalah Ketua Pusat Sukan dan

Rekreasi, Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh, Pegawai-pegawai Pusat Sukan dan Exco-Exco Majlis Perwakilan Pelajar UMT. YBhg. Prof. Dr. Noor Azhar mengharapkan agar kerjasama antara UMT dan Thaksin University akan diteruskan malah akan merangkumi bidang yang lebih meluas seperti dalam bidang penyelidikan dan program pertukaran pelajar. Majlis diteruskan lagi dengan pemberian taklimat mengenai Pusat Sukan dan Rekreasi oleh Tn. Hj. Mohamad Rafee Jusoh mengenai kemudahan dan pengurusan Pusat Sukan dan Rekreasi UMT. Program lawatan ini ditamatkan dengan perlawanan persahabatan bola sepak antara UMT dan Thaksin University pada sebelah malamnya. Dalam perlawanan itu, Thaksin University sekali lagi turut memenangi perlawanan dengan jaringan 3-1.

Menurut salah seorang peserta yang mengikuti program

lawatan ini, Saudari Surangthip Chomthas, program lawatan ini merupakan satu medan yang terbaik bagi membuka mata para peserta yang bakal mengikuti latihan praktikal pada tahun hadapan. Menurutnya lagi, mahasiswa di UMT seharusnya bersyukur kerana memiliki kemudahan yang sangat baik yang telah disediakan. Tambahnya lagi di Thaksin University, keluasan universiti tersebut adalah lebih kecil berbanding keluasan UMT dengan kapasiti pelajar seramai 13,000 orang.

Memetik kata-kata Tn. Hj. Mohamad Rafee, antara perancangan masa hadapan pihak Pusat Sukan dan Rekreasi adalah mewujudkan Diploma Sains Sukan bagi mencapai matlamat ke arah menuju taraf universiti sukan memandangkan bidang sukan merupakan kursus keenam yang mendapat permintaan yang tinggi di peringkat dunia. Selain itu, beliau juga berharap bilangan staf dan kemudahan di Pusat Sukan dan Rekreasi akan ditambah pada masa akan datang bagi mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan yang diberikan kepada warga UMT.

Wakil UMT “Aghni” di Program UMK Jeli

oleh: **Ponmalar Ravichandran**
Paveethra Thegarathah

Pada 9 Mac 2013, Kelab Kebudayaan Baratham (KKB), Universiti Malaysia Terengganu telah menghantar empat kumpulan untuk mengambil bahagian dalam Program “Aghni” anjuran Universiti Malaysia Kelantan kampus Jeli. Rombongan ini turut disertai oleh Pn. Rozita Razali dari Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) UMT.

Program “Aghni” 2013 ini bertemakan ‘The Spark of Culture’. “Aghni” membawa maksud api suci yang membara. Program ini diadakan sempena perayaan Ponggal yang yang disambut oleh kaum India. Perayaan ini disambut selama tiga hari oleh kaum India beragama Hindu sebagai tanda kesyukuran kepada Tuhan kerana memberikan hasil tuaian iaitu beras yang menjadi makanan utama masyarakat bumi. Perayaan ponggal ini disambut sekitar bulan Januari.

Oleh itu, pihak Universiti Malaysia Kelantan telah mengambil kesempatan ini untuk mengadakan program untuk memupuk perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar IPTA. Program ini diwarnai dengan kehadiran pelbagai kaum termasuk kaum Melayu dan Cina berpakaian tradisional kaum India. Peserta-peserta ini terdiri daripada mahasiswa-mahasiswi UMK kampus Jeli, UMK kampus Kota Bharu, UMK kampus Bachok, UMT, USM Kota Bharu, dan Institut Perguruan Kota Bharu. Kehadiran mereka dapat menggambarkan kesefahaman kaum antara warga mahasiswa dengan memberikan pendedahan tentang budaya masyarakat India.

Kumpulan UMT telah



Dari kiri: Ponmalar Ravichandran (SM Kaunseling), Suhaseni Chelathurai (SMS Biologi), Jevitra Tahngarajoo (SMSG P&P Biodiversiti), Paveethra Thegarathah (SMSG P&P Biodiversiti), Katykyini Muniandy (SMS Biologi).

mengambil bahagian dalam pertandingan Ponggal. Pertandingan ini dibahagikan kepada lima kategori, iaitu masakan ponggal paling enak, hiasan khemah paling cantik, pakaian tradisional paling cantik, dan susu yang mendidih keluar paling awal.

Salah satu kumpulan dari KKB UMT telah memenangi kategori ‘ponggal paling enak’.

Suasana dewan yang menjadi riuh apabila kategori pemenang diumumkan menunjukkan kerjasama dan semangat peserta UMT. Pemenang juga telah berkongsi resepi ponggal mereka. Kumpulan UMT juga turut mengambil bahagian dalam pertandingan memecah periuk.

Timbalan Naib Canselor UMK kampus Jeli dan saudara Nagendran sebagai Pengarah

Program cukup berbesar hati menerima kehadiran dari pelbagai IPTA dan juga IPG yang telah memeriahkan program tersebut. Menurut Timbalan Naib Canselor, program-program seperti ini harus sering kali diadakan supaya dapat mengeratkan hubungan silatullahim dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi.

Resepi Ponggal

Bahan-bahan:

- 2 cawan susu
- 1 cawan beras
- Secubit garam
- ½ cawan gula
- 2 camca minyak sapi
- 3 biji pelaga
- 1 camca kismis
- Kacang gajus

Cara membuat:

1. Didihkan susu.
2. Masukkan beras.
3. Tambah garam. (tunggu sehingga nasi masak sepenuhnya)
4. Tambah gula.
5. Tambah minyak sapi, pelaga, kacang gajus dan kismis.



Pertandingan memecah periuk.



Sakit belakang

Boleh Menyebabkan Lumpuh?

oleh: **Mohamad Nur Azshary Mohd Salleh**

Merasakan kesakitan yang teramat sangat di bahagian belakang? Kaki anda sering menjadi kebas selepas berada dalam keadaan statik bagi satu tempoh masa yang lama biarpun anda telah berjalan? Mempunyai masalah semasa membuang air? Jika anda mempunyai masalah-masalah sebagai mana di atas, anda dinasihati agar berjumpa dengan perunding kesihatan anda, kerana besar kemungkinan anda menghadapi masalah *Prolapse Intervertebral Disc* (PID) atau *Herniated Nucleus Pulposus Disc* (HNPD).

Menurut kajian yang dilakukan, antara punca kepada masalah ini adalah kesilapan semasa mengangkat barangan berat, merokok, pekerjaan yang melibatkan tempoh duduk yang lama, trauma kemalangan dan faktor umur ('cakera' atau 'haus' atau 'kering'). Terdapat satu kusyen yang dipanggil gelatin *nukleus pulposus* di antara tulang belakang yang berfungsi bagi menyerap hentakkan dan tekanan yang terjadi pada tulang belakang. Masalah ini terjadi apabila 'cakera' ini terkeluar dari kawasan antara dua tulang dan menyentuh saraf yang terletak di sepanjang tulang belakang berikutan daripada faktor yang tersebut. Pada kebiasaannya, 'cakera' ini terkeluar akibat daripada peralihan tulang daripada keadaan asal. Apabila keadaan ini berlaku, tulang belakang akan menerima tekanan yang kuat dan seterusnya, menekan kusyen 'cakera', menyebabkan ianya terkeluar dan menyentuh saraf.

Namun begitu, ahli perubatan tidak boleh memberikan keputusan diagnosis hanya berdasarkan simptom-simptom yang dihadapi pesakit, pesakit perlu menjalani dua pemeriksaan sebelum disahkan menghadapi masalah P.I.D ini. Pemeriksaan yang pertama adalah dengan menggunakan imbasan *x-ray*. Imbasan *x-ray* ini dilakukan bagi



mengenalpasti kedudukan tulang pesakit yang menjadi punca kepada masalah ini. Kemudian, pesakit akan menjalani imbasan *Magnetic Resonance Imaging* (MRI), jika masalah ini tidak dapat dikesan menggunakan imbasan *x-ray*. Imbasan *x-ray* hanya mampu membuat imbasan imej 2D yang terhad kepada struktur-struktur besar seperti tulang sahaja. Manakala, imbasan MRI membuat imbasan imej 3D, yang membolehkan ia menembusi sehingga ke saraf-saraf.

Bagi mereka yang telah disahkan mempunyai masalah P.I.D ini, antara langkah perubatan yang boleh diambil adalah mengambil ubat tahan sakit dan ubat penenang otot. Selain itu, ahli perubatan juga

akan mengesyorkan agar pesakit membuat terapi (fisioterapi) berserta latihan-latihan fizikal bagi membetulkan semula keadaan 'cakera' tersebut. Namun begitu, andai kata semua yang di atas tidak memberikan kesan kepada pesakit dalam tempoh lebih dari lapan minggu, cara terakhir akan digunakan. Cara terakhir ini adalah melalui pembedahan mikro bagi memperbetul posisi tulang pesakit, cara ini merupakan cara yang terakhir yang dilakukan. Pembedahan ini mempunyai risiko yang amat tinggi, risikonya adalah pesakit berkemungkinan tidak boleh berjalan dan hilang segala keupayaan yang melibatkan abdomen pinggang dan ke bawah atau lebih dikenali dalam kalangan masyarakat sebagai lumpuh

separuh badan.

Bagi mereka yang masih belum mempunyai masalah ini, anda dinasihati agar sentiasa memberikan perhatian dengan setiap pergerakan anda. Elakkan daripada duduk bagi satu tempoh yang lama, berdiri sekurang-kurangnya pada setiap 30 minit. Pastikan anda berada dalam postur pergerakan dan mengangkat yang betul, terutamanya ketika mengangkat barangan yang berat. Memandu atau membonceng kenderaan anda dengan berhati-hati agar tidak terlibat dalam sebarang kemalangan. Pengambilan susu yang tinggi dengan kandungan kalsium juga mampu membantu kerana ia akan menguatkan lagi struktur tulang anda.

Mulakan Hari Anda dengan Gaya Hidup Sihat



oleh: **Fadila Kasmawani Fakaruddin**

Gaya hidup yang sihat sering dikaitkan dengan pemakanan yang seimbang selain dari faktor melakukan senaman secara konsisten dalam kehidupan seharian. Seseorang yang mengamalkan cara hidup yang sihat dilihat sentiasa memberi impak yang positif kepada diri sendiri, keluarga dan juga masyarakat sekelilingnya. Tidak sukar untuk sentiasa kekal sihat, ceria dan bertenaga. Ikuti tips penting yang boleh menjadi amalan anda setiap hari. Aduh! Mulakan dari sekarang!

1. Senaman Ringan

Mulakan pagi anda dengan berjalan, berjoging dan melakukan regangan otot. Aktiviti senaman yang berkala mampu menjadikan kehidupan yang dijalani oleh seseorang itu lebih sihat dan menceriaikan. Selain itu, ia turut diakui oleh pakar perubatan di mana senaman yang konsisten mampu menjadikan sistem imunisasi manusia tinggi dan sistem peredaran darah lebih baik. Minda yang cerdas lahirnya dari badan yang cergas.

2. Sarapan Pagi

Sebahagian di antara kita selalu membiarkan keadaan perut kosong pada waktu pagi. Sarapan pagi tidak perlu terlalu berat, cukup sekedar segelas susu dan sekeping roti sudah memadai. Otak sangat memerlukan sarapan pagi bagi merangsang pemikiran ke arah pembelajaran yang lebih cemerlang bagi pelajar. Sarapan pagi dikatakan dapat mencerdaskan pikiran jika dijadikan sebagai rutin harian yang penting untuk kehidupan yang lebih baik. Ada saintis yang menggelar bahawa sarapan pagi sebagai makanan untuk otak.

3. Ketawa Sebagai Terapi Minda

Pastikan anda ketawa bersebab! Kajian menunjukkan individu yang ketawa 100 kali dalam tempoh 24 jam mendapat manfaat kardiovaskular sama seperti bersenam 10 minit. Hal ini terjadi kerana apabila kita ketawa, tekanan darah dan kadar dengupan jantung meningkat. Kemudian kedua-dua kadar ini akan turun iaitu lebih rendah daripada paras sebelum anda ketawa.

4. Utamakan Kebersihan Diri

Kunci utama kepada gaya hidup yang sihat adalah apabila anda mengutamakan aspek kebersihan diri dalam memastikan diri anda terhindar dari sebarang penyakit. Keperluan asas seperti menggosok gigi, mandi, berpakaian bersih, memiliki waktu rehat yang berkualiti

perlu dijadikan amalan seharian. Ini dibuktikan bahawa seseorang yang sentiasa positif dalam hidupnya terdiri daripada mereka yang sangat mengutamakan kebersihan diri dan sekitarnya.

5. Bunga Memainkan Peranan

Adakah anda penggemar bunga segar? Tidak perlu mengharapkan pemberian bunga dari orang lain sebaliknya, anda sendiri boleh pergi ke kedai bunga dan memilih jambangan bunga yang anda sukai. Kuasa bunga memainkan peranan apabila kesegarannya membawa satu perubahan perasaan yang positif kepada diri anda apabila anda mencium haruman bunga itu dan meletakkannya di sesuatu ruang sebagai terapi mata dan minda.

6. Katakan **TIDAK** pada rokok

Petua 6M untuk berhenti merokok :

- Minum banyak air
- Mengunyah sesuatu
- Mandi dengan kerap
- Menjauhkan diri dari tempat orang merokok
- Memohon doa
- Membuat sesuatu yang berfaedah

7. Tangani Stres

- Petua kurangkan rasa marah yang mengakibatkan stres:
- Berfikir secara positif
- Jangan salahkan orang lain apabila berlaku kesilapan
- Belajar menyukai diri sendiri
- Belajar bertenang
- Dapatkan teman untuk meluahkan masalah

8. Kuasa Buah Oren

Tidak perlu banyak, sebiji oren bersaiz sederhana setiap hari adalah mencukupi untuk keperluan tubuh badan anda. Buah oren mempunyai kaitan dengan kesihatan jantung, penglihatan, pelalian dan mengurangkan risiko penyakit kanser. Pada masa sama, buah sitrus ini turut memiliki kelebihan sebagai antioksidan, membantu perkembangan otak janin dan mengawal tekanan darah.

9. Tidur yang Berkualiti

Tidur yang berkualiti tidak bermaksud tidur yang panjang. Tidur apabila mata rasa mengantuk dan bangun apabila badan sudah terasa segar. Kajian mengesahkan bahawa tidur selama 30 minit pada waktu tengah hari mampu menambahkan nilai positif dan segar dalam diri seseorang. Pastikan perut tidak terlalu kenyang sebelum melelapkan mata.

Chamek, Lebong, Nyekik dan Se'eh

oleh: **Hazzira Tarmuzi**

Dialek *Ganu Kite* kali ini ialah:

1. *Chamek* = usik

Shahrul : *Mung* tengok *talipong* baru aku *ni*, mahal *boh*.
(Kamu tengok telefon baru aku ini, mahal boss)

Fakhrul : Come benor talipong mung, maghi aku nok tengok.
(Cantik benar telefon kami, mari aku nak tengok)

Shahrul : Weh, jangang chamek talipong aku, punoh kekgi.

2. *Lebong* = tipu.

Suatu hari, Aminah menceritakan kepada kawannya bahawa dia telah melihat UFO mendarat di hadapan rumahnya. Dengan penuh semangat dia bercerita kepada kawannya. Lalu kawannya berkata: "*Lebong mung* Minoh," lalu Aminah tersengih.
(*"Tipu kamu Minah,"*)

3. *Nyekik* = menyampah

Amira : Siti, *nyekik molek* aku dengan *Timoh* tu.
(Siti, menyampah aku dengan Timah itu)

Siti : *Nape pulok?*
(Mengapa pula?)

Aminah : *Perasang baguh ngguh.*
(Perasan bagus sungguh)

4. *Se'eh* = kekenyangan

Kamil : Sedap *do'oh laluh* nasi *keda tu*, *se'eh* perut aku.
(Sedap sangat nasi di kedai itu, kenyang sangat perut aku)

Talib : *Meme doh boh*, *muge* orang *belanje sedak belake*.
(Memanglah boss, orang belanja, semua sedap.)

Diari Kampus

Pelajar UMT Cemerlang dalam Pertandingan MyINOVASI

oleh: **Mohamad Haris bin Hussain**
Pelajar Tahun Akhir Jabatan Sains Biologi, FST

Dua kumpulan pelajar daripada Fakulti Sains dan Teknologi (FST) iaitu Kumpulan *Kairo-MY* dan Kumpulan *Alchymista*, telah menyertai Pertandingan *MyINOVASI* 2012 peringkat kebangsaan bertempat di Dewan Za'aba, Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya pada 28 hingga 29 November 2012. Pertandingan inovasi ini adalah satu program panji mercu Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk memupuk budaya inovasi dan kreativiti demi manfaat kepada masyarakat. Pertandingan inovasi ini terbuka kepada pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) iaitu universiti, kolej universiti, politeknik dan kolej komuniti.

Bertemakan; "Inovasi Berbudhi Masyarakat Lestari", sebanyak lebih kurang 3000 penyertaan telah diterima daripada seluruh negara. Pada pertandingan ini, terdapat beberapa peringkat yang perlu ditempuhi sebelum layak ke peringkat kemuncak kebangsaan. Peringkat pertama adalah saringan melalui pemilihan poster projek inovasi daripada kesemua peserta seluruh negara. Peringkat kedua adalah peringkat kemuncak zon di mana hanya 60 buah kumpulan dari seluruh negara yang benar-benar layak akan



dipilih untuk dibawa ke peringkat kebangsaan. Peringkat ketiga adalah peringkat kebangsaan di mana semua kumpulan dikehendaki mempersembahkan hasil rekapipta serta video projek inovasi masing-masing kepada juri-juri yang telah dipilih.

Kumpulan *Kairo-MY* telah dibarisi oleh lima ahli kumpulan iaitu Mohamad Haris Hussain (Ketua), Shahrol Nizam Daud, Nurul 'Izzah Hj Abdul Ghani, Nang Mirahinu Long Shula, dan Nur Ain Farhah Ros Saidon Khudri manakala kumpulan *Alchymista* juga telah dibarisi oleh lima orang ahli kumpulan iaitu Muhammad Farqan Khairudin, Mohd Noor

Afiq Ramlee, Nurul Izah, Edzmeer, dan Syafiq Zul. Kumpulan *Kairo-MY* telah mempamerkan produk inovasi mereka iaitu berkaitan kajian perangkap feromon kumbang perosak pokok palma manakala kumpulan *Alchymista* telah mengetengahkan produk inovasi mereka yang diberi nama *EC Tech*; direka khas untuk menyelesaikan masalah permaidani berbau dengan menggunakan teknik pengeringan secara automatik dan sistem wangian permaidani yang dimajukan.

Dengan berbekalkan dorongan, iltizam serta semangat berpasukan yang tinggi, kumpulan

Kairo-MY dan kumpulan *Alchymista* ini telah menaikkan nama UMT apabila masing-masing berjaya mendapat tempat ketujuh dan kelapan daripada 60 buah kumpulan yang bertanding di peringkat kebangsaan. Mereka juga telah membawa pulang hadiah berupa wang ringgit RM1500.00 bagi setiap kumpulan beserta sijil penghargaan. Dengan kemenangan pertandingan *MyINOVASI* 2012 peringkat kebangsaan, pelajar UMT ini telah membuka minda para pelajar lain mengenai peluang dalam bidang inovasi serta kepentingan inovasi kepada mahasiswa serta masyarakat.

Penyertaan Kejohanan Memanah pertama UMT



oleh: Raja Mohd Bazley Raja Ahmadle Akbar
Yusrina Omar

Pasukan Memanah Universiti Malaysia Terengganu (UMT) buat pertama kali menyertai kejohanan memanah kategori terbuka di Kejohanan Memanah Dewan PKS UniSZA 2013 pada 5 hingga 9 Februari 2013 bertempat di Dewan Gimnasium, UniSZA. Kejohanan ini adalah

anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) selaku Pusat Kecemelangan Sukan (PKS) Memanah.

Selain UMT, beberapa institusi lain turut terlibat dalam Kejohanan Memanah Dewan PKS UniSZA 2013 antaranya ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Pahang, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) serta UniSZA sendiri. Terdapat juga institusi luar negara yang mengambil bahagian seperti Universitas Negeri Jakarta dan Universitas Batanghari, Indonesia.

UMT telah menghantar wakil seramai 18 orang menyertai kejohanan tersebut. Hasilnya, tiga orang atlet lelaki memmanah UMT dipilih untuk menyertai latihan bersama skuad Sukan Malaysia (SUKMA) bagi mengasah bakat dan kemahiran mereka supaya menjadi atlet yang berkecayaan pada masa akan datang. Latihan dilakukan setiap hari Jumaat dan Sabtu.

Menurut Pegawai Sukan UMT, En. Kamal Talib, UMT tidak mendapat sebarang pingat dalam kejohanan tersebut

berikutan kekurangan latihan dan kemudahan dari segi peralatan yang tidak bersesuaian. Kekangan dari segi latihan juga berpunca daripada jadual kuliah yang agak padat turut mengganggu perhatian para atlet terhadap latihan. Sekiranya masalah sebegini dapat ditangani sudah pasti para atlet dan jurulatih menantikan yang terbaik dalam mana-mana kejohanan yang dipertandingkan.

Kejohanan Memanah Dewan PKS UniSZA 2013 telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran Naib Canselor UniSZA, Prof. Dr. Yahaya Ibrahim sepanjang kejohanan ini berlangsung. Johan keseluruhan telah dimenangi oleh UniSZA A dan TLDM A telah mendapat naib johan manakala tempat ketiga disandang oleh UiTM Pahang.



Nama: Muhammad Taufiq bin Ismail
Program: SM Sains Komputer dengan Informatik Maritim
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 019-5165696
Emel: muhammadtaufiq.mks12.13@gmail.com

Timbalan Yang Dipertua

Nama: Muhammad Wajdi Untong bin Untong
Program: Diploma Perikanan
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 017-2432686
Emel: muhammadwajdiuntong.mks12.13@gmail.com

Setiausaha

Nama: Noor Mutmainnah binti Johar
Program: Diploma Perikanan
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 013-3102264
Emel: mutmainnah.mks12.13@gmail.com

Bendahari

Nama: Doris Anak Layau
Program: SM Sains Kimia
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 014-8896360
Emel: dorislau.mks12.13@gmail.com

Exco Publisiti dan Diplomasi

Nama: Norfarahias binti Hermang
Program: SM Teknologi Alam Sekitar
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 014-8084005
Emel: farahias.mks12.13@gmail.com

Nama: Muhamad Zaimizam bin Md Zin
Program: SM Pengurusan Maritim
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 013-4117417
Emel: zaimizamzin.mks12.13@gmail.com

Exco Aduan dan Kebajikan

Nama: Norsoraya Azurin binti Wahir
Program: SM Sains Matematik Kewangan
Tahun Pengajian: 2
No tel: 013-7906631
Emel: sorayaazurin.mks12.13@gmail.com

Nama: Masrudin bin Md Yusoff
Program: SM Sains Kimia Analisis dan Persekitaran
Tahun Pengajian: 1
No Tel: 013-4634357
Emel: masrudinmdyusoff.mks12.13@gmail.com

Exco Keselamatan dan Kesihatan

Nama: Nur Bazilah binti Basri
Program: SM Sains Matematik Kewangan
Tahun Pengajian: 3
No Tel: 019-3184724
Emel: nurbazilah.mks12.13@gmail.com

Nama: Abdul Latif bin Mohd Sokeri
Program: SM Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 014-5446017
Emel: abdullatifmohdsokeri.mks12.13@gmail.com

Majlis Kolej Siswa (MKS) sesi 2012/2013

Exco Kerohanian dan Pembangunan Sahsiah

Nama: Liyana binti Yamin
Program: SM Sains Gunaan Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti
Tahun Pengajian: 1
No Tel: 019-2009889
Emel: liyana.mks12.13@gmail.com

Nama: Nazarul Anwar bin Hashim
Program: SM Sains Matematik Kewangan
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 017-3825285
Emel: nazarulanwarhashim.mks12.13@gmail.com

Exco Pembangunan Pelajar

Nama: Yaminisri a/p Anbalagan
Program: SM Sains Matematik Komputasi
Tahun Pengajian: 1
No Tel: 010-3712482
Emel: yaminisri.mks12.13@gmail.com

Nama: Mohamad Syahmie bin Samsudin
Program: SM Sains Kimia
Tahun Pengajian: 1
No tel: 011-9271204
Emel: mosyashisyahmie.mks12.13@gmail.com

Exco Akademik dan Kerjaya

Nama: Wan Khalidah binti Wan Kadir
Program: SM Kaunseling
Tahun Pengajian: 1
No Tel: 014-5096358
Emel: wankhalidah.mks12.13@gmail.com

Nama: Mohamad Hafiz bin Zanudi
Program: SM Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 013-4502583
Emel: mohamadhafiz.ms12.13@gmail.com

Exco Keusahawan

Nama: Nurzaherah binti Kamarudin
Program: SM Sains Biologi Marin
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 013-2944871
Emel: nurzaherah.mks12.13@gmail.com

Nama: Izzul Safiq bin Rosli
Program: SM Sains Matematik Komputasi
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 017-7789892
Emel: safiqrosli.mks12.13@gmail.com

Exco Sukan dan Warisan

Nama: Fadhlin Sakina binti Mohd Rajidi
Program: SM Sains Kimia
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 019-4522131
Email: sakinafadhlin.mks12.13@gmail.com

Nama: Muhamad Firdaus bin Mat Rahim
Program: SM Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial
Tahun Pengajian: 2
No Tel: 014-8076540
Emel: mohamadfirdaus.mks12.13@gmail.com